

CNS3547

R GB 28-08 00146 BC690

bah

KERAJAAN CADANG PROJEK PEMBETUNGAN BAGI SELURUH NEGARA

Mahathir - Pembetulan

PULAU PINANG, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kajian sedang dijalankan untuk mengadakan sistem pembetulan yang meliputi seluruh negara.

Sehubungan itu, kerajaan membekukan semua rancangan projek pembetulan di seluruh negara, kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini selepas mengakhiri lawatan dua hari ke negeri ini.

Dr Mahathir berkata pembekuan itu membabitkan peruntukan \$500 juta yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan menambah kajian mengenai sistem itu sedang dalam proses penilaian, jika didapati projek itu berkesan, kita akan mengadakan satu cara pembiayaan ataupun menswastakan projek itu, katanya.

Kerajaan mungkin akan menswastakannya supaya tidak menanggung beban membiayai sistem pembetulan untuk membersihkan sisa yang sekarang ini dibuang ke laut, tambahnya. -- Lagi

▼28/08/20-41MST

CNS3548

R GB 28-08 00165 BC691

bah

Mahathir - Pembetulan 2 Pulau Pinang

+Longkang pecah atau paip air yang rosak atau kotor perlu diperbaiki tetapi memerlukan perbelanjaan yang tinggi sedangkan kerajaan yang bergantung kepada cukai tidak dapat mengutip cukai banyak untuk menampung perbelanjaan itu, katanya lagi.

Katanya, sekiranya rakyat sanggup membayar cukai yang tinggi dan tidak merungut dengan kadar kenaikan cukai, kerajaan akan dapat menyediakan segala kemudahan yang diperlukan.

Terdahulu, semasa berucap merasmikan Pusat Pembangunan Desa di Tasek, Seberang Perai, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menekan sektor pengilangan apabila memungut bayaran cukai daripada mereka.

Beliau berkata para pengilang hanya perlu membayar cukai sebanyak 35 peratus daripada keuntungan mereka.

+Kadang kala, ada yang apabila membuat untung, mereka masukkan ke dalam akaun lain yang rugi. Janganlah buat macam itu kerana kita perlu fikir sama kepentingan orang lain, katanya.

Kerajaan memungut cukai untuk kepentingan semua pihak dan segala yang diperolehi dibelanjakan bagi pembangunan negara dan penyediaan kemudahan awam, tambahnya. -- Lagi

▼28/08/20-42MST

CNS3550

R GB 28-08 00113 BC692

bah

Mahathir - Pembetulan 3 (Akhir) Pulau Pinang

Dr Mahathir juga mengulangi kecaman terhadap para pemimpin kesatuan sekerja seperti MTUC kerana meneruskan tindak-tanduk supaya tidak wujud keamanan perindustrian di negara ini.

Beliau berkata mereka tidak peduli tindakan mereka akan menakutkan pelabur sehingga mewujudkan semula keadaan pengangguran di negara ini.

Katanya pemimpin mereka tidak memikirkan bagaimanapun mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetapi berpuas hati dengan yuran yang dikutip daripada pekerja yang kadang-kalanya digunakan bagi kepentingan diri seperti melawat luar negeri.

Pusat Pembangunan Desa yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) mengandungi kompleks perniagaan, industri kecil dan rumah kos rendah. -- Bernama